



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM2093
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan definisi bagi perkataan berikut:

- i. Latihan
- ii. Pemindahan latihan
- iii. Ciri-ciri pelatih

(6 markah)

b. Nyatakan **empat (4)** alasan organisasi menjalankan program latihan.

(4 markah)

SOALAN 2

a. Huraikan **dua (2)** jenis pemindahan latihan di organisasi.

(4 markah)

b. Senaraikan **enam (6)** masalah yang menjadi penghalang kepada pemindahan latihan di organisasi.

(6 markah)

SOALAN 3

Kecekapan seseorang jurulatih terhadap kegiatan latihan di organisasi ialah pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkannya menjalankan peranan dengan lebih cekap. Bincangkan **lima (5)** kemahiran utama yang dimiliki oleh seorang jurulatih yang cekap.

(10 markah)

SOALAN 4

Pereka bentuk program latihan perlu memilih model yang sesuai untuk membantu merancang program latihan yang baik. Bincangkan **lima (5)** perkara yang mempengaruhi pemilihan model latihan.

(10 markah)

SOALAN 5

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan analisis keperluan latihan? Berikan definisi anda.

(2 markah)

- b. Berikan **dua (2)** kepentingan analisis keperluan latihan terhadap organisasi.

(2 markah)

- c. Bincangkan **tiga (3)** komponen yang perlu dikaji dalam konteks analisis keperluan latihan dalam organisasi.

(6 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Puan Salmah merupakan Pengurus Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia di Syarikat XYZ dan beliau ingin menjalankan program latihan terhadap pekerja di organisasinya. Bantu Cik Salmah untuk mengenalpasti dan mencadangkan **lima (5)** jenis latihan yang boleh diperaktikkan kepada pekerjanya.

(15 markah)

- b. Teori bermaksud satu set hipotesis yang telah disahkan benar melalui pemerhatian atau penyelidikan. Bincangkan mana-mana **dua (2)** teori pembelajaran yang boleh diterapkan dalam latihan dan pembangunan dalam organisasi.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Senaraikan **lima (5)** etika kerja khusus untuk jurulatih.

(5 markah)

- b. Apakah yang dimaksudkan dengan model latihan? Huraikan **empat (4)** jenis model yang anda ketahui.

(10 markah)

- c. Tugas utama pusat latihan ialah merancang, iaitu menyediakan pelan tindakan dan mengemukakan beberapa pilihan penyelesaian masalah untuk masa depan. Oleh sebab itu, bincangkan **dua (2)** jenis perancangan yang anda ketahui dalam konteks latihan.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Proses pengurusan fungsi atau bahagian latihan di sebuah organisasi di bermula dengan pembentukan polisi latihan. Senaraikan **lima (5)** perkara yang perlu dipertimbangkan semasa membentuk polisi latihan.

(5 markah)

- b. Berikan **lima (5)** tugas dan juga tanggungjawab pengurus latihan yang anda ketahui.

(5 markah)

- c. Pengurusan sesebuah program latihan adalah penting dalam sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, bincangkan pengurusan program latihan yang terdiri daripada persediaan sebelum program, semasa melaksanakan program dan juga pengurusan selepas program.

(15 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT